



## SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Perbadanan Putrajaya**

**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

### **PERLANTIKAN YBHG DATO' FADLUN BIN MAK UJUD SEBAGAI PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**


**PUTRAJAYA, 10 Jun 2022** – YB Dato' Seri Dr Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan pada hari ini mengumumkan perlantikan YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke-7. Perlantikan tersebut yang telah mendapat persetujuan daripada YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri berkuatkuasa pada 1 Jun 2022.

YBhg. Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, 55, merupakan pegawai Perbadanan Putrajaya yang telah berkhidmat di agensi ini sejak tahun 2000 bermula sebagai Pegawai Perancang Bandar yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan Putrajaya dari peringkat awal. Beliau memegang jawatan Naib Presiden Kanan Jabatan Perkhidmatan Korporat sebelum perlantikannya sebagai Presiden.

Di antara perkara yang akan terus diberikan tumpuan beliau sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya termasuklah ;

- Melaksanakan kajian dan penilaian semula dasar serta polisi dalam **Rancangan Struktur Putrajaya** ke arah menjadikan **Putrajaya sebuah bandar mampan yang berdaya tahan** dan ke arah mewujudkan sebuah **masyarakat sejahtera**.
- Memberi penekanan kepada aspek **perumahan rakyat** termasuk di bawah program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan di mana PPj selaku agensi pelaksana akan membangunkan **Residensi Prihatin Keluarga Malaysia (RPKM)** di 10 lokasi strategik merangkumi Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 dengan **anggaran jumlah keseluruhan sebanyak 12,370 unit**. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 3,224 unit dijangka akan dibangunkan pada tahun ini iaitu;**
  - **RPKM Cengkoh P16 (724 unit)**
  - **RPKM Sentral P7 (2,500 unit)**
- Mengukuhkan Putrajaya sebagai **bandar mesra belia** termasuk mempercepatkan pembangunan Sukan Ahmad Shah Football City yang merangkumi komponen pusat latihan kebangsaan, stadium dan padang bola sepak komuniti.

- Memulakan **pembangunan Quranic Village** secara berfasa dengan pembinaan masjid terlebih dahulu.
- Menghidup dan **merancakkan aktiviti di Persiaran Perdana** dengan penganjuran pelbagai acara dan aktiviti serta menggalakkan pembinaan **food and beverage outlet** oleh pemaju dan pengusaha.
- Mengukuhkan Putrajaya sebagai **destinasi pelancongan dan penganjuran acara peringkat antarabangsa** serta **bandar sukan dan rekreasi**.
- Meningkatkan **sistem penyampaian perkhidmatan PPj** termasuk dalam aspek perkhidmatan perbandaran, perkhidmatan kaunter dan penyenggaraan.
- Memantapkan **sistem pengangkutan awam** termasuk kajian *feasibility study* yang sedang dijalankan.



**(T.P. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

Pengarah Komunikasi Korporat  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 10 Jun 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346